



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN A48

**ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH (PERAK)
(PINDAAN) 2021**

Tarikh Perkenan Diraja ... 27 Disember 2021

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 30 Disember 2021

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**ENAKMEN A48****ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH (PERAK)
(PINDAAN) 2021**

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan Perak

27 Disember 2021

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Mahkamah Syariah
(Perak) 2018.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul
Ridzuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah
Syariah (Perak) (Pindaan) 2021.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh
yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui
pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan tarikh-tarikh
yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan
yang berlainan dalam Enakmen ini.

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 [*Enakmen 13*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan sebelum tafsiran “Enakmen Pentadbiran” tafsiran yang berikut:

‘ “bailif” termasuklah Pendaftar atau mana-mana kerani atau pegawai Mahkamah yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kewajipan seorang bailif;’;

(b) dalam tafsiran “Mufti”, dengan memotong perkataan “dan”;

(c) dalam tafsiran “Peguam Syarie”, dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas tafsiran “Peguam Syarie” tafsiran yang berikut:

‘ “teknologi komunikasi jarak jauh” termasuklah rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa komunikasi elektronik lain.’.

Seksyen baharu 8A

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“Kaedah-Kaedah

8A. (1) Jawatankuasa boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan fungsi peruntukan Bahagian ini.

(2) Kaedah-kaedah di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”.

Pindaan seksyen 9

4. Subseksyen 9(2) Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) bagi tempoh lapan belas tahun sebelum pelantikannya telah bertugas dalam bidang syariah dan undang-undang.”.

Pindaan seksyen 10

5. Seksyen 10 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “lima orang” dengan perkataan “tujuh orang Islam bagi membentuk panel”;
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “dua puluh tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”;
- (c) dalam subperenggan (2)(b)(i), dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan perundangan dan kehakiman” dengan perkataan “bidang perundangan dan kehakiman”;
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
- “(2A) Bagi maksud subperenggan (2)(b)(ii), tafsiran “undang-undang” adalah termasuk undang-undang syariah atau sivil;”;
- (e) dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 11

6. Seksyen 11 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “tujuh orang” dengan perkataan “sembilan orang Islam bagi membentuk panel”;
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (2)(b) perenggan yang berikut:

“(c) bagi tempoh lima belas tahun sebelum pelantikannya—

(i) telah berkhidmat dalam bidang perundangan dan kehakiman; atau

(ii) telah bertugas dalam bidang syariah atau undang-undang serta berpengetahuan dalam Hukum Syarak.”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Bagi maksud subperenggan 2(c)(ii), tafsiran “undang-undang” adalah termasuk undang-undang syariah atau sivil.”; dan

(e) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, melantik seorang daripada kalangan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah.”.

Seksyen baharu 15A

7. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15 seksyen yang berikut:

“Bailif

15A. (1) Ketua Hakim Syarie mempunyai kuasa untuk melantik mana-mana Pendaftar, kerani atau pegawai mahkamah sebagai bailif.

(2) Bailif hendaklah melaksanakan segala saman, waran, perintah, kaedah, notis, suruhan dan proses lain mana-mana Mahkamah yang diberikan kepadanya oleh Mahkamah itu bagi maksud itu, dan hendaklah membuat suatu penyata mengenainya serta cara pelaksanaannya kepada Mahkamah yang daripadanya proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menerima semua orang yang dikomitkan ke dalam jagaannya oleh Mahkamah.

(3) Bailif dalam melaksanakan apa-apa penyitaan dan penjualan atau apa-apa pelaksanaan atau distres yang lain boleh memasuki mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu jika perlu boleh memecah buka mana-mana pintu atau tingkap di bahagian luar atau dalam bangunan itu atau apa-apa bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu bagi memasukinya.”.

Pindaan seksyen 22

8. Seksyen 22 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“ (2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak, memberikan kebenaran untuk diputuskan apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam penjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.”.

Pindaan seksyen 25

9. Seksyen 25 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“ (1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau bilangan ganjil yang lebih besar yang ditentukan oleh Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah daripada kalangan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah seksyen 11.”; dan

(b) dengan menggantikan, di mana-mana jua terdapat perkataan “Pengerusi Mahkamah Rayuan” dengan perkataan “Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah”.

Pindaan seksyen 28

10. Seksyen 28 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding, atau, dalam hal sesuatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum penyampaian penghakiman itu, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan, dan penghakiman atau penghakiman tertangguh mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah diberikan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah, bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun Hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.”.

Pindaan seksyen 29

11. Seksyen 29 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Utama Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak, memberikan kebenaran untuk diputuskan apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Rayuan Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.”.

Pindaan seksyen 30

12. Subseksyen 30(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat belas” dengan perkataan “tiga puluh”.

Pindaan seksyen 34

13. Seksyen 34 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding, atau, dalam hal sesuatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum penyampaian penghakiman itu, mana-mana Hakim

Mahkamah Utama Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman tertangguh mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah diberikan oleh Hakim Mahkamah Utama Syariah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah, bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun Hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.”.

Seksyen baharu 35A

14. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

“Penjalanan kuasa semasa ketidakupayaan atau ketiadaan

35A. Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Ketua Hakim Syarie tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan oleh Enakmen, Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, memperkenalkan kuasa itu dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu bolehlah dilaksanakan oleh mana-mana Hakim Mahkamah Utama Syariah.”.

Seksyen baharu 36A dan 36B

15. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Mahkamah boleh menjalankan prosiding melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh

36A. (1) Walau apa pun seksyen 36, Mahkamah boleh, demi kepentingan keadilan, mendengar dan memutuskan apa-apa kausa atau perkara, mal atau jenayah, melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Tempat di mana prosiding itu didengar dan diputuskan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan didengar dan diputuskan dalam bidang kuasa Mahkamah itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), tafsiran “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.

Perkhidmatan elektronik

36B. Ketua Pendaftar boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Syarie, mengadakan suatu perkhidmatan elektronik bagi penerimaan, pemfailan, penyampaian, pengakuteraan, pengemukaan, penyimpanan apa-apa dokumen atau pembayaran tertentu atau apa-apa perkara lain dengan menggunakan perkhidmatan itu.”.

Pindaan seksyen 39

16. Seksyen 39 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Jika Mahkamah Syariah di dalam Negeri Perak membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu, perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Negeri Perak.”.

Pindaan seksyen 42

17. Subseksyen 42(1) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan perkataan “kecuali Bahagian II” selepas perkataan “Enakmen ini”.

Pindaan seksyen 46

18. Seksyen 46 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.”.

Bertarikh 18 November 2021

[JKSPk. (R) 100-/1/1/2; PU.PUK.5/2021]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan

P A M B